



KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Pembekal dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan perkhidmatan/kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO SEBUTHARGA: MPK/599/201/SH-P/09-26 Membekal Pakaian Seragam (Ukur Badan) Untuk Kakitangan Majlis Perbandaran Kluang Yang Layak Mengikut Jenisnya Bagi Tahun 2026 Senaskah dokumen sebutharga dijual dengan harga RM50.00	020801 – Pakaian ATAU 020802 – Kelengkapan Pakaian ATAU 020804 – Pakaian Keselamatan, Kelengkapan & Aksesori	Mulai 08 Disember 2025 (ISNIN) Jam:9.00 pagi Tempat Aras 1, Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Kluang, Persiaran Utama Bandar Primer, 86000 Kluang Johor NOTA Penyebutharga DIWAJIBKAN membawa dokumen berikut semasa pembelian Dokumen Sebutharga: ➤ Salinan Sijil SSM yang masih sah. ➤ Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang masih sah. ➤ Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) yang PATUH TEMPOH SAH LAKU SIJIL HENDAKLAH SEKURANG-KURANGNYA TIGA (3) BULAN DARI TARIKH TAMAT LUPUT LESEN Selain itu, penyebutharga WAJIB mempunyai alamat e-mel yang sah dan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Jadual Dokumen Pembelian yang disediakan. Dokumen sebutharga akan dihantar melalui e-mel dalam tempoh 24 jam dari tarikh pembelian. Sekiranya dokumen tidak diterima selepas tempoh tersebut, sila maklumkan kepada pihak kami dengan segera melalui e-mel berikut: unitperolehanmpk@gmail.com	Tarikh Tutup 15 Disember 2025 (ISNIN) Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari Tempat Kaunter 4, Aras G, Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Kluang, Persiaran Utama Bandar Primer, 86000 Kluang Johor NOTA Dokumen Sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermeteri dan dimasukkan ke dalam <i>Peti Sebutharga</i>. <u>DOKUMEN SEBUTHARGA YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN</u>

i. Sila sediakan nilai bayaran yang secukupnya, pembayaran yang lebih atau kurang daripada harga Dokumen Sebutharga tidak akan diterima). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos beralang (postal order) dan dibayar atas nama "YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG".

ii. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

iii. Pembeli adalah dilarang sama sekali memberi, menawarkan atau menjanjikan sebarang bentuk pemberian, imbuhan, faedah atau ganjaran kepada mana-mana kakitangan Majlis Perbandaran Kluang yang berkaitan dengan urusan sebutharga ini. Sebarang pelanggaran terhadap larangan ini boleh menyebabkan tindakan pembatalan tawaran.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD FAHMY BIN YAHYA K.B.;P.A.)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang